



No. Rujukan : PKPMP.PMR.600-2/3/3 ( 2 )

Tarikh : 4 September 2025

Yang Arif Hakim-Hakim  
Mahkamah Rayuan

Pendaftar / Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Rayuan

Pegawai Penyelidik  
kepada Hakim Mahkamah Rayuan

### **ARAHAN AMALAN PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN**

**BIL. 1 TAHUN 2025**

### **TATACARA PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN KES DI MAHKAMAH RAYUAN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh kaedah 77 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 [P.U. (A) 524/1994], saya mengeluarkan Arahan ini bagi menetapkan tatacara pengendalian dan pengurusan kes di Mahkamah Rayuan seperti yang berikut:

#### **PEMAKAIAN**

1. Arahan Amalan ini terpakai sebagai panduan bagi semua kes rayuan dan permohonan yang difaiklan di Mahkamah Rayuan.

## TAFSIRAN

2. Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“**e-Filing**” ertinya satu platform dalam sistem aplikasi Mahkamah yang digunakan bagi maksud pemfailan dan penghantaran dokumen secara elektronik;

“**e-Rekod Rayuan**” ertinya satu platform dalam sistem aplikasi Mahkamah yang digunakan untuk menjana Rekod Rayuan kes jenayah secara automasi;

“**e-Review**” ertinya satu platform dalam sistem aplikasi Mahkamah yang digunakan antara Mahkamah dengan pihak-pihak untuk menjalankan Pengurusan Kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh;

“**Pejabat Sub-Registri Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak**” ertinya Pejabat Sub-Registri bagi Mahkamah Rayuan yang ditubuhkan oleh Presiden Mahkamah Rayuan pada tahun 2017 bagi urusan pentadbiran kes-kes rayuan yang berasal dari Sabah dan Sarawak mengikut mana-mana yang berkenaan;

“**Pendaftar**” ertinya Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia;

“**platform digital**” ertinya saluran teknologi komunikasi jarak jauh termasuk e-mel, e-Review, aplikasi sidang video atau rangkaian video atau saluran digital lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah;

**“sistem e-Kehakiman”** ertinya mana-mana aplikasi elektronik yang dibangunkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi urusan dan prosiding Mahkamah.

## **BAHAGIAN I AM**

### **A. Notis Rayuan Kes Jenayah**

3. Tatacara pemfailan Notis Rayuan bagi kes jenayah adalah seperti yang berikut:

(a) bagi Notis Rayuan yang difaikan –

(i) oleh perayu, menggunakan Notis Rayuan sebagaimana dalam Borang 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 (“KMR 1994”); dan

(ii) bagi pihak banduan, menggunakan Borang 6 KMR 1994; dan

(b) Notis Rayuan hendaklah menyatakan dengan jelas sama ada rayuan adalah terhadap hukuman sahaja atau terhadap keseluruhan keputusan.

4. Selaras dengan peruntukan seksyen 52, 53 dan 54 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], Pendaftar Mahkamah Tinggi dan pihak-pihak akan menerima pemakluman nombor rayuan jenayah daripada Pendaftar setelah Notis Rayuan didaftarkan.

## **B. Notis Rayuan Kes Sivil**

5. Tatacara pemfailan Notis Rayuan bagi kes sivil adalah seperti yang berikut:

- (a) menggunakan Notis Rayuan sebagaimana dalam Borang 1 KMR 1994; dan
- (b) sekiranya terdapat lebih daripada satu keputusan ke atas permohonan yang didengar pada hari yang sama, sama ada secara bersama atau berasingan, Notis Rayuan hendaklah difaikkan ke atas setiap keputusan yang dirayu.

## **C. Notis Usul**

6. Sebarang permohonan di Mahkamah hendaklah difaikkan menerusi Notis Usul seperti yang berikut:

- (a) bagi kes jenayah adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bab 3, Bahagian II KMR 1994;
- (b) bagi kes sivil adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bab 2, Bahagian VIII KMR 1994; dan
- (c) setiap permohonan hendaklah difaikkan bersama dengan afidavit sokongan.

7. Semua afidavit hendaklah diletakkan nombor muka surat pada setiap helaian afidavit tersebut.

## D. Pengelasan Kod Rayuan

8. Semua rayuan dan permohonan yang difaikkan di Mahkamah Rayuan hendaklah menggunakan Kod Negeri dan Kod Perkara sebagaimana yang berikut:

(a) Kod Negeri –

BIL	KOD NEGERI	NEGERI
1.	A	Perak
2.	B	Selangor
3.	C	Pahang
4.	D	Kelantan
5.	J	Johor
6.	K	Kedah
7.	M	Melaka
8.	N	Negeri Sembilan
9.	P	Pulau Pinang
10.	Q	Sarawak
11.	R	Perlis
12.	S	Sabah (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan)
13.	T	Terengganu
14.	W	Wilayah Persekutuan (Putrajaya dan Kuala Lumpur)

(b) Kod Perkara –

BIL	KOD PERKARA	PERKARA
1.	01	<p>Rayuan civil –</p> <p>(a) dari Mahkamah Tinggi oleh atau terhadap Kerajaan berhubung dengan –</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359];</li> <li>(ii) Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri;</li> <li>(iii) Rujukan tanah; atau</li> <li>(iv) Rayuan kes cukai pendapatan</li> </ul> <p>(b) yang melibatkan badan-badan berkanun; dan</p> <p>(c) yang melibatkan kes-kes tribunal</p>
2.	02	<p>Rayuan civil am</p> <p>(tidak termasuk rayuan di bawah Kod 01, 03 dan 04)</p>
3.	03	Rayuan civil terhadap keputusan Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi
4.	04A	Rayuan civil terhadap suatu keputusan dari Mahkamah Rendah oleh atau terhadap Kerajaan, Badan-badan Berkanun atau tribunal
5.	04B	Rayuan civil am terhadap suatu keputusan dari Mahkamah Rendah
6.	05	Rayuan jenayah terhadap suatu keputusan Mahkamah Tinggi yang tidak melibatkan kakitangan awam

BIL	KOD PERKARA	PERKARA
7.	06	Semakan jenayah
8.	06A	Rayuan jenayah terhadap suatu keputusan Mahkamah Tinggi yang melibatkan kakitangan awam
9.	06B	Rayuan jenayah terhadap suatu keputusan Mahkamah Rendah yang melibatkan kakitangan awam
10.	07	Permohonan jenayah
11.	08	Permohonan bagi kebenaran merayu
12.	08(L)	Permohonan sivil selain daripada permohonan bagi kebenaran merayu
13.	08(Review)	Semakan sivil
14.	09	Rayuan jenayah terhadap suatu keputusan Mahkamah Rendah yang tidak melibatkan kakitangan awam

- (c) Pengelasan Kod mengikut hal perkara bagi rayuan jenayah adalah seperti di **LAMPIRAN A1** dan bagi rayuan sivil adalah seperti di **LAMPIRAN A2**.

#### E. Pemfailan Dokumen

9. Pemfailan Dokumen menerusi platform e-Filing hendaklah dilaksanakan menerusi kaedah yang berikut:

- (a) bagi peguam, akses melalui sistem e-Kehakiman; atau

- (b) bagi orang awam, akses melalui Biro Perkhidmatan (*Service Bureau*) di kaunter Biro Perkhidmatan Mahkamah Rayuan.
10. Semua dokumen yang difaiklan menerusi platform e-Filing hendaklah difaiklan dalam bentuk *portable document format* (pdf).
11. Walau apa pun peruntukan dalam perenggan 10, pihak-pihak hendaklah menyerahkan salinan dokumen bercetak sebagaimana yang berikut di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan –

BILANGAN SALINAN	JENIS DOKUMEN
satu (1) salinan atau apa-apa jumlah lain yang diarahkan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa	(a) Rekod Rayuan; (b) Rekod Rayuan Tambahan; (c) Notis Usul; (d) Afidavit; (e) Hujahan Bertulis dan Ikatan Autoriti, (f) Ringkasan Eksekutif; (g) Ikatan Teras Bersama; (h) Ikatan Khas; dan Lain-lain dokumen yang diarahkan oleh Pendaftar

12. Salinan dokumen-dokumen seperti yang dinyatakan dalam perenggan 11 hendaklah diserahkan di lokasi sebagaimana yang berikut –

NEGERI	LOKASI
Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia	Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan di Putrajaya
Sabah	Pejabat Sub-Registri Mahkamah Rayuan di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah
Sarawak	Pejabat Sub-Registri Mahkamah Rayuan di Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak

## **BAHAGIAN II**

### **PENYEDIAAN REKOD RAYUAN**

#### **A. Penjilidan Rekod Rayuan**

13. Rekod Rayuan hendaklah mematuhi format sebagaimana yang berikut –

- (a) setiap helaian dalam Rekod Rayuan hendaklah dinomborkan secara berturutan bermula dari muka hadapan (*front cover page*) hingga muka surat terakhir bagi setiap jilid;
- (b) turutan nombor muka surat bagi setiap jilid hendaklah dimulakan dengan nombor satu;
- (c) setiap jilid Rekod Rayuan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua ratus (200) mukasurat dan setiap jilid hendaklah ditandakan dengan perkataan “JILID” pada sudut bahagian kanan

atas pada muka surat hadapan;

- (d) bagi dokumen yang helaiannya melebihi dua ratus (200) muka surat hendaklah dijilidkan sebagai jilid baharu dan ditandakan sebagaimana yang berikut –

**“JILID 1(1), 1(2), 1(3) dan seterusnya”**

- (e) dokumen-dokumen yang helaiannya adalah kurang daripada dua ratus (200) muka surat boleh digabungkan menjadi satu jilid;
- (f) setiap dokumen yang dimasukkan dalam setiap jilid hendaklah jelas dan boleh dibaca;
- (g) salinan bercetak Rekod Rayuan hendaklah dijilidkan dengan kemas dengan menggunakan jilid sisir (*comb binding*);
- (h) setiap jilid Rekod Rayuan hendaklah mempunyai indeks tersendiri;
- (i) jilid pertama Rekod Rayuan kes sivil perlu disertakan dengan indeks utama;
- (j) pada tengah muka surat hadapan bagi setiap jilid hendaklah menyatakan *intitulement* tindakan di Mahkamah Rayuan dan di Mahkamah Tinggi, dan pada bawah muka surat hendaklah dinyatakan nama firma guaman yang mewakili pihak-pihak;
- (k) ekshhibit dokumen yang perlu dimasukkan hendaklah disusun mengikut senarai ekshhibit yang dikemukakan semasa perbicaraan;

- (l) ekhibit yang disimpan dalam bentuk elektronik termasuk cakera padat, video dan audio hendaklah diserahkan ke Mahkamah Rayuan bersama dengan salinan fizikal Rekod Rayuan;
- (m) penandaan muka surat dan jilid bagi helaian salinan bercetak Rekod Rayuan hendaklah sama seperti salinan yang difaiklan dalam sistem e-Filling; dan
- (n) bagi membolehkan Mahkamah mengambil langkah keselamatan terhadap dokumen yang tertakluk kepada Perintah Perlindungan yang dibuat oleh mana-mana peringkat mahkamah dan difaiklan dalam Rekod Rayuan, pihak-pihak hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar sebaik sahaja dokumen-dokumen tersebut difaiklan.

## **B. Rekod Rayuan Kes Jenayah**

14. Rekod Rayuan dan Rekod Rayuan Tambahan bagi kes jenayah hendaklah dimuat naik ke dalam sistem e-Kehakiman oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi.

15. Rekod Rayuan yang disediakan hendaklah mematuhi format kandungan dan penomboran rekod seperti yang berikut:

- (a) Rayuan Jenayah daripada Mahkamah Tinggi (Bicara Penuh)

JILID	KANDUNGAN
1	(i) Indeks kepada Jilid 1; (ii) Butir-butir perbicaraan di Mahkamah Tinggi (Borang 7); (iii) Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan; (iv) Perintah termeterai Mahkamah Tinggi; (v) Kertas pertuduhan; dan (vi) Alasan Penghakiman Mahkamah Tinggi
2	(i) Indeks kepada Jilid 2; dan (ii) Nota Keterangan Mahkamah Tinggi dan Penyata Saksi (jika ada)
3	(i) Indeks kepada Jilid 3; dan (ii) Ekshibit dalam bentuk dokumen dan/atau gambar
4	(i) Indeks kepada Jilid 4; dan (ii) Hujahan Bertulis oleh Pendakwaan dan Pembelaan tanpa Ikatan Autoriti

(b) Rayuan Jenayah daripada Mahkamah Rendah (Bicara Penuh)

JILID	KANDUNGAN
1	(i) Indeks kepada Jilid 1; (ii) Butir-butir perbicaraan di Mahkamah Tinggi (Borang 7); (iii) Perintah termeterai Mahkamah Rayuan (kebenaran merayu), jika berkaitan;

<b>JILID</b>	<b>KANDUNGAN</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(iv) Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan;</li> <li>(v) Perintah termeterai Mahkamah Tinggi;</li> <li>(vi) Alasan Penghakiman Mahkamah Tinggi; dan</li> <li>(vii) Nota Prosiding Mahkamah Tinggi</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 2;</li> <li>(ii) Butir-butir perbicaraan di Mahkamah Rendah;</li> <li>(iii) Notis Rayuan ke Mahkamah Tinggi;</li> <li>(iv) Petisyen Rayuan ke Mahkamah Tinggi;</li> <li>(v) Kertas pertuduhan;</li> <li>(vi) Perintah termeterai Mahkamah Rendah; dan</li> <li>(vii) Alasan Penghakiman Mahkamah Rendah</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 3; dan</li> <li>(ii) Nota Keterangan Mahkamah Rendah dan Penyata Saksi (jika ada)</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 4; dan</li> <li>(ii) Ekshibit dalam bentuk dokumen dan/atau gambar</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 5; dan</li> <li>(ii) Hujahan Bertulis di hadapan Mahkamah Tinggi oleh Pendakwaan dan Pembelaan tanpa Ikatan Autoriti</li> </ul>

JILID	KANDUNGAN
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 6; dan</li> <li>(ii) Hujahan Bertulis di hadapan Mahkamah Rendah oleh Pendakwaan dan Pembelaan tanpa Ikatan Autoriti</li> </ul>

(c) Rayuan Jenayah daripada Mahkamah Tinggi (Permohonan Jenayah)

JILID	KANDUNGAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 1;</li> <li>(ii) Butir-butir perbicaraan di Mahkamah Tinggi (Borang 7);</li> <li>(iii) Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan;</li> <li>(iv) Perintah termeterai Mahkamah Tinggi;</li> <li>(v) Notis Usul; dan</li> <li>(vi) Alasan Penghakiman Mahkamah Tinggi</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 2;</li> <li>(ii) Nota Prosiding Mahkamah Tinggi;</li> <li>(iii) Afidavit Sokongan;</li> <li>(iv) Afidavit Jawapan; dan</li> <li>(v) Afidavit Balasan</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 3; dan</li> <li>(ii) Hujahan Bertulis di hadapan Mahkamah Tinggi oleh Pendakwaan dan Pembelaan tanpa Ikatan Autoriti.</li> </ul>

(d) Rayuan Jenayah daripada Mahkamah Rendah (Permohonan Jenayah)

<b>JILID</b>	<b>KANDUNGAN</b>
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 1;</li> <li>(ii) Butir-butir perbicaraan di Mahkamah Tinggi (Borang 7);</li> <li>(iii) Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan;</li> <li>(iv) Perintah termeterai Mahkamah Tinggi;</li> <li>(v) Alasan Penghakiman Mahkamah Tinggi; dan</li> <li>(vi) Nota Prosiding Mahkamah Tinggi</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 2;</li> <li>(ii) Butir-butir perbicaraan di Mahkamah Rendah;</li> <li>(iii) Notis Rayuan ke Mahkamah Tinggi;</li> <li>(iv) Petisyen Rayuan ke Mahkamah Tinggi;</li> <li>(v) Notis Usul;</li> <li>(vi) Perintah termeterai Mahkamah Rendah; dan</li> <li>(vii) Alasan Penghakiman Mahkamah Rendah</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Jilid 3;</li> <li>(ii) Nota Prosiding Mahkamah Rendah;</li> <li>(iii) Afidavit Sokongan;</li> <li>(iv) Afidavit Jawapan; dan</li> <li>(v) Afidavit Balasan</li> </ul>

JILID	KANDUNGAN
4	(i) Indeks kepada Jilid 4; dan (ii) Hujahan Bertulis di hadapan Mahkamah Tinggi oleh Pendakwaan dan Pembelaan tanpa ikatan Autoriti
5	(i) Indeks kepada Jilid 5; dan (ii) Hujahan Bertulis di hadapan Mahkamah Rendah oleh Pendakwaan dan Pembelaan tanpa ikatan Autoriti

### C. Rekod Rayuan Kes Sivil

16. Perayu hendaklah mematuhi format penyediaan Rekod Rayuan bagi kes sivil sebagaimana yang berikut:

- (a) Rayuan Sivil daripada Mahkamah Tinggi (Bicara Penuh dengan Saksi)

BAHAGIAN	KANDUNGAN
A	(i) Indeks Utama; (ii) Indeks kepada Bahagian A; (iii) Kronologi kes, bermula daripada tarikh kes itu difailkan di mahkamah asal hingga ke tarikh Rekod Rayuan difailkan; (iv) Memorandum Rayuan;

BAHAGIAN	KANDUNGAN
	<p>(v) Penghakiman, dekri atau perintah yang dirayu;</p> <p>(vi) Notis Rayuan;</p> <p>(vii) Alasan penghakiman atau alasan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi; dan</p> <p>(viii) Pliding di Mahkamah Tinggi</p>
B	<p>(i) Indeks kepada Bahagian B;</p> <p>(ii) Sub indeks muka surat berkenaan saksi yang dirujuk dalam nota keterangan di Mahkamah Tinggi;</p> <p>(iii) Nota Keterangan Mahkamah Tinggi; dan</p> <p>(iv) Ekshibit dokumen</p>
C	<p>(i) Indeks kepada Bahagian C; dan</p> <p>(ii) Hujahan Bertulis pihak-pihak di Mahkamah Tinggi (tanpa ikatan Autoriti).</p>

- (b) Rayuan Sivil daripada Mahkamah Tinggi (Pendengaran secara Afidavit)

<b>BAHAGIAN</b>	<b>KANDUNGAN</b>
A	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks Utama;</li> <li>(ii) Indeks kepada Bahagian A;</li> <li>(iii) Kronologi kes, bermula daripada tarikh kes itu difailkan di mahkamah asal hingga ke tarikh Rekod Rayuan difailkan;</li> <li>(iv) Memorandum Rayuan;</li> <li>(v) Penghakiman, dekri atau perintah yang dirayu;</li> <li>(vi) Notis Rayuan;</li> <li>(vii) Alasan penghakiman atau alasan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi; dan</li> <li>(viii) Saman Pemula, Pliding (jika berkenaan), Petisyen dan/atau Notis Permohonan di Mahkamah Tinggi</li> </ul>
B	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Bahagian B;</li> <li>(ii) Sub indeks muka surat berkenaan afidavit oleh deponen dan ekshibit yang difailkan dan/atau dibaca di Mahkamah Tinggi;</li> <li>(iii) Nota Prosiding Mahkamah Tinggi;</li> <li>(iv) Salinan afidavit, (dengan ekshibit) yang difailkan dan/atau dibaca di</li> </ul>

BAHAGIAN	KANDUNGAN
	<p>Mahkamah Tinggi yang dirayu (disusun mengikut tarikh difaikan); dan</p> <p>(v) Ekhibit dalam bentuk elektronik (cakera padat, video dan audio)</p>
C	<p>(i) Indeks kepada Bahagian C; dan</p> <p>(ii) Hujahan Bertulis pihak-pihak di Mahkamah Tinggi (tanpa Ikatan Autoriti)</p>

- (c) Rayuan Sivil daripada Mahkamah Rendah (Bicara Penuh dengan Saksi)

BAHAGIAN	KANDUNGAN
A	<p>(i) Indeks Utama;</p> <p>(ii) Indeks kepada Bahagian A;</p> <p>(iii) Kronologi kes, bermula daripada tarikh kes itu difaikan di mahkamah asal hingga ke tarikh Rekod Rayuan difaikan;</p> <p>(iv) Memorandum Rayuan;</p> <p>(v) Penghakiman, dekri atau perintah yang dirayu;</p> <p>(vi) Notis Rayuan; dan</p> <p>(vii) Alasan penghakiman atau alasan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi</p>

BAHAGIAN	KANDUNGAN
B	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Bahagian B; dan</li> <li>(ii) Hujahan Bertulis pihak-pihak di Mahkamah Tinggi (tanpa ikatan Autoriti)</li> </ul>
C	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks kepada Bahagian C;</li> <li>(ii) Sub indeks dokumen yang dirujuk dalam Rekod Rayuan Mahkamah Rendah; dan</li> <li>(iii) Rekod Rayuan dari Mahkamah Rendah yang difailkan di Mahkamah Tinggi</li> </ul>

(d) Rayuan Sivil daripada Mahkamah Rendah (Pendengaran secara Afidavit)

BAHAGIAN	KANDUNGAN
A	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Indeks Utama;</li> <li>(ii) Indeks kepada Bahagian A;</li> <li>(iii) Kronologi kes, bermula daripada tarikh kes itu difailkan di mahkamah asal hingga ke tarikh Rekod Rayuan difailkan;</li> <li>(iv) Memorandum Rayuan;</li> <li>(v) Penghakiman, dekri atau perintah yang dirayu;</li> </ul>

BAHAGIAN	KANDUNGAN
	(vi) Notis Rayuan; dan (vii) Alasan penghakiman atau alasan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi
B	(i) Indeks kepada Bahagian B; dan (ii) Hujahan Bertulis pihak-pihak di Mahkamah Tinggi (tanpa memasukkan Ikatan Autoriti)
C	(i) Indeks kepada Bahagian C; dan (ii) Rekod Rayuan dari Mahkamah Rendah yang difaiklan di Mahkamah Tinggi

17. Rekod Rayuan Sivil yang dinyatakan dalam perenggan 16 di Bahagian A, B dan C hendaklah difaiklan mengikut turutan jilid seperti berikut:

- (a) Jilid 1 Bahagian A;
- (b) Jilid 2 Bahagian B; dan
- (c) Jilid 3 Bahagian C.

18. Jika terdapat lebih daripada satu jilid bagi setiap Bahagian yang difaiklan maka pemfailan dokumen dalam sistem e-Filing hendaklah difaiklan menurut turutan seperti yang berikut:

- (a) Jilid 2 Bahagian B(1);
- (b) Jilid 2 Bahagian B(2);
- (c) Jilid 2 Bahagian B(3);
- (d) Jilid 3 Bahagian C(1); dan
- (e) Jilid 3 Bahagian C(2).

19. Perayu hendaklah memastikan agar ekhibit berbentuk dokumen yang dimasukkan ke dalam Rekod Rayuan adalah –

- (a) relevan;
- (b) jelas dan boleh dibaca; dan
- (c) disusun mengikut kronologi.

**D. Ikatan Khas (*Special Bundle*)**

20. Bagi Rayuan Sivil, perayu hendaklah memastikan –

- (a) dokumen-dokumen yang berikut difaiklan dalam satu Ikatan Khas –
  - (i) Notis Rayuan dan Notis Rayuan Balas (jika berkaitan);
  - (ii) Perintah Meterai Mahkamah Tinggi;
  - (iii) Perintah Meterai Mahkamah Rendah atau Perintah Tribunal (jika berkaitan);
  - (iv) Alasan Penghakiman Mahkamah Tinggi;
  - (v) Alasan Penghakiman Mahkamah Rendah atau Alasan Penghakiman Tribunal (jika berkaitan); dan
  - (vi) Memorandum Rayuan.
- (b) Ikatan Khas hendaklah difaiklan selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh pendengaran.

**E. Ikatan Teras Bersama**

21. Pihak-pihak hendaklah memastikan Ikatan Teras Bersama difaiklan selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh pendengaran.

22. Ikatan Teras Bersama hendaklah disediakan sekiranya Rekod Rayuan adalah melebihi lima (5) jilid dan hendaklah mengandungi –

- (a) dokumen-dokumen utama yang berkaitan dengan isu-isu dalam rayuan; dan
- (b) dokumen-dokumen yang akan dirujuk oleh pihak-pihak semasa pendengaran rayuan.

23. Pihak-pihak hendaklah bekerjasama dalam menyediakan Ikatan Teras Bersama seperti berikut:

- (a) Peguam perayu hendaklah menyerahkan draf indeks Ikatan Teras Bersama kepada peguam responden;
- (b) Peguam responden hendaklah memberikan maklum balas atau membuat pindaan (jika perlu) terhadap draf indeks tersebut dan menyerahkannya kepada peguam perayu;
- (c) Sekiranya tiada maklum balas yang diberikan oleh peguam responden dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam terhadap draf indeks, Ikatan Teras Bersama hendaklah disediakan dan difaiklan mengikut dokumen yang disenaraikan di dalam draf indeks tersebut oleh peguam perayu.

## F. Hujahan Bertulis dan Ikatan Autoriti

24. Pihak-pihak hendaklah memastikan agar Hujahan Bertulis dan Ikatan Autoriti –

- (a) difailkan menerusi sistem e-Filing;
- (b) diserahkan kepada pihak satu lagi; dan
- (c) mematuhi perkara yang berikut –
  - (i) tempoh masa pemfailan Hujahan Bertulis –
    - (A) melainkan jika diarahkan selainnya, Hujahan Bertulis dan Ikatan Autoriti hendaklah difailkan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh pendengaran;
    - (B) Hujahan Balas (jika ada) dan Ikatan Autoriti hendaklah difailkan dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tarikh pendengaran; dan
  - (ii) sekiranya Hujahan Bertulis tidak difailkan dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 24 (c) (i), masa untuk berhujah secara lisan adalah dihadkan kepada dua puluh (20) minit sahaja dan apa-apa lanjutan masa adalah tertakluk kepada budi bicara Pengerusi Panel.
  - (iii) jumlah muka surat bagi Hujahan Bertulis atau Ikatan Autoriti yang melebihi dua ratus (200) muka surat hendaklah dibahagikan kepada beberapa jilid dan setiap jilid adalah dihadkan kepada dua ratus (200) muka surat sahaja;
  - (iv) Hujahan Bertulis yang melebihi tiga puluh (30) muka surat hendaklah difailkan dengan satu Ringkasan Eksekutif. Ringkasan Eksekutif adalah tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah muka surat Hujahan Bertulis.

(v) format Hujahan Bertulis –

JENIS HURUF	SAIZ HURUF	SELANG BARIS
Arial	14 poin	1.5

(vi) Hujahan Bertulis dan Ringkasan Eksekutif yang difailkan dalam sistem e-Filing hendaklah dalam format *pdf copyable*;

(vii) nota ucapan (*speaking notes*), rajah, carta alir, slaid atau apa-apa dokumen yang bertujuan untuk membantu Mahkamah hendaklah difailkan dan diserahkan kepada pihak satu lagi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh pendengaran; dan

(viii) Ikatan Autoriti hendaklah disertakan dengan indeks dan diletakkan muka surat pada setiap helaian autoriti yang dikemukakan.

## G. Warna Pada Kulit Dokumen

25. Warna pada kulit bagi dokumen yang difailkan secara e-Filing dan secara bercetak adalah seperti yang berikut:

DOKUMEN	WARNA PADA KULIT DOKUMEN
Rekod Rayuan (Jenayah)	Merah Jambu
Rekod Rayuan (Sivil)	Merah
Ikatan Khas ( <i>Special Bundle</i> )	Hijau
Ikatan Teras Bersama	Kuning
Perayu/ Pemohon (Jenayah, Sivil dan Notis Usul)  (a) Ringkasan Eksekutif; (b) Hujahan Bertulis; (c) Ikatan Autoriti	Biru
Responden (Jenayah, Sivil dan Notis Usul)  (a) Ringkasan Eksekutif; (b) Hujahan Bertulis; (c) Ikatan Autoriti	Oren
Pencelah atau pihak lain (mengikut mana-mana yang berkenaan)  (a) Ringkasan Eksekutif; (b) Hujahan Bertulis; (c) Ikatan Autoriti	Putih

**BAHAGIAN III**  
**TATACARA PENGURUSAN KES**

**A. Tatacara Am**

26. Pengurusan Kes boleh dijalankan -

- (a) menerusi platform digital; atau
- (b) dengan kehadiran pihak-pihak secara fizikal di Mahkamah.

27. Tempoh masa penetapan tarikh Pengurusan Kes kali pertama adalah seperti yang berikut:

<b>JENIS PROSIDING</b>	<b>TEMPOH MASA PENETAPAN TARIKH PENGURUSAN KES KALI PERTAMA</b>
Rayuan	dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pendaftaran Notis Rayuan
Permohonan	dalam tempoh tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh pemfailan permohonan

28. Peguam yang mengendalikan kes hendaklah hadir pada tarikh Pengurusan Kes. Sekiranya peguam tersebut tidak dapat hadir, firma guaman peguam tersebut hendaklah memastikan mana-mana peguam lain yang menghadiri Pengurusan Kes dapat mengemukakan maklumat yang lengkap dan tepat termasuk tarikh lapang peguam yang mengendalikan kes bagi tujuan penetapan tarikh pendengaran kes.

29. Pada tarikh Pengurusan Kes, pihak-pihak hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar –

- (a) apa-apa prosiding yang digantung atau tertangguh di mana-mana peringkat mahkamah sementara menunggu keputusan kes tersebut di Mahkamah Rayuan;
- (b) bagi rayuan terhadap hukuman dalam rayuan jenayah, tarikh jangkaan tamat tempoh hukuman;
- (c) apa-apa permohonan interlokutori yang akan difailkan. Pihak-pihak hendaklah memastikan bahawa permohonan tersebut difailkan sebelum tarikh Pengurusan Kes seterusnya; dan
- (d) mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan yang tidak boleh atau tidak wajar mendengar rayuan tersebut dan menyatakan alasan ke atas ketidakwajaran itu.

30. Pengurusan Kes Secara e-Review

- (a) Pemakaian Platform Pengurusan Kes secara e-Review

Pengurusan Kes secara e-Review tidak terpakai bagi mana-mana kes yang melibatkan pihak yang tidak diwakili peguam.

- (b) Notis Pengurusan Kes secara e-Review

(i) Bagi Pengurusan Kes secara e-Review kali pertama, pihak-pihak akan menerima Notis Menghadiri Pengurusan Kes secara e-

Review bersama-sama dengan Borang Pengurusan Kes (Borang CM) menerusi sistem e-Kehakiman.

- (ii) Notis Menghadiri Pengurusan Kes secara e-Review tidak dikeluarkan bagi Pengurusan Kes kali kedua dan seterusnya dan penetapan tarikh Pengurusan Kes adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar semasa sesi e-Review.
- (c) Pengurusan Kes secara e-Review boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum atau pada tarikh Pengurusan Kes tersebut ditetapkan.
- (d) Pengurusan Kes akan berakhir pada jam 4.00 petang pada hari Pengurusan Kes yang telah ditetapkan.
- (e) Bagi Pengurusan Kes secara e-Review kali pertama –
  - (i) pihak perayu hendaklah melengkapkan dan menghantar Borang CM secara e-Review selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh Pengurusan Kes; dan
  - (ii) sekiranya maklumat dalam Borang CM adalah tidak lengkap atau mengandungi maklumat yang salah, Pendaftar akan menetapkan satu tarikh Pengurusan Kes yang baharu dalam tempoh yang singkat bagi membolehkan pihak-pihak mengemukakan Borang CM baharu yang lengkap dan betul. Pengurusan Kes hanya akan dijalankan setelah Borang CM yang lengkap dan betul diterima.

### 31. Pengurusan Kes Secara Sidang Video

- (a) Maklumat mengenai tarikh dan masa Pengurusan Kes secara sidang

video akan dimaklumkan kepada pihak-pihak menerusi notis makluman yang akan dihantar melalui kaedah yang berikut:

- (i) menerusi sistem e-Kehakiman; dan
  - (ii) bagi kes rayuan jenayah, sekiranya perayu atau responden tidak diwakili peguam dan berada dalam tahanan, melalui pihak berkuasa menahan.
- (b) Bagi memastikan kelancaran prosiding Pengurusan Kes secara sidang video, pihak-pihak hendaklah memastikan agar akses kepada talian internet telah tersedia dan berada dalam keadaan yang baik pada tarikh dan masa Pengurusan Kes tersebut.

### 32. Pengurusan Kes Secara Kehadiran Fizikal

- (a) Pengurusan Kes secara kehadiran fizikal di Mahkamah akan ditetapkan dalam keadaan yang berikut:
  - (i) terdapat keperluan agar Pengurusan Kes dijalankan secara kehadiran fizikal; atau
  - (ii) kes tersebut melibatkan isu-isu yang kompleks dan rumit.
- (b) Pihak berkuasa menahan hendaklah mengemukakan orang dalam tahanan untuk menghadiri Pengurusan Kes apabila menerima arahan atau perintah dari Mahkamah.

**33. Pengurusan Kes Rayuan Sivil dan Permohonan Sivil secara e-mel**

**(a) Notis Pemakluman Pengurusan Kes secara e-mel**

- (i) Notis pemakluman tarikh dan masa Pengurusan Kes secara e-mel akan dikemukakan kepada pihak-pihak dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh Pengurusan Kes menerusi sistem e-Kehakiman, melainkan jika apabila terdapat kesegeraan.
  - (ii) Pihak-pihak hendaklah memastikan alamat e-mel dalam sistem e-Filing dikemas kini bagi memastikan alamat e-mel adalah tepat dan boleh dihubungi pada tarikh dan masa Pengurusan Kes.
- (b) Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Pendaftar kepada alamat e-mel pihak-pihak yang didaftarkan dalam sistem e-Filing adalah dianggap sebagai terpakai dan berkesan.

**BAHAGIAN IV**  
**DRAF PERINTAH DAN PERINTAH BERSIH**

**A. Draf Perintah dan Perintah Bersih Rayuan / Permohonan Sivil**

**34. Pihak-pihak hendaklah memastikan Draf Perintah dan Perintah Bersih Rayuan/ Permohonan Sivil difaiklan –**

- (a) berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2022 (Panduan Pemfailan Perintah dan Penghakiman dalam Prosiding di Mahkamah Seluruh Malaysia);

- (b) selaras dengan Aturan 42 Kaedah 10(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U.(A) 205/2012], bersama surat iringan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh keputusan diberikan;
- (c) mengikut format tambahan yang berikut –

JENIS HURUF	SAIZ HURUF	SELANG BARIS
Arial	14 poin	1.5

- (d) Draf Perintah dan Perintah Bersih hendaklah disediakan adalah mengikut format seperti di Lampiran-lampiran yang berikut:

<b>LAMPIRAN B (I)</b>	Rayuan Sivil
<b>LAMPIRAN B (II)</b>	Rayuan Sivil (Didengar Bersama)
<b>LAMPIRAN B (III)</b>	Permohonan Sivil (Kebenaran Merayu)
<b>LAMPIRAN B (IV)</b>	Notis Usul dalam Rayuan Sivil

- (e) Draf Perintah dan Perintah Bersih menyatakan sama ada perintah/ penghakiman diputuskan secara sebulat suara atau majoriti. Bagi perintah/ penghakiman yang diputuskan secara majoriti, nama Hakim yang menentang hendaklah dinyatakan.

## **B. Perintah Termeterai dalam Kes Jenayah**

### **35. Tempoh masa Mengeluarkan Perintah Termeterai Kes Jenayah**

Pihak-pihak akan memperolehi Perintah Termeterai Kes Jenayah dalam tempoh masa yang berikut:

<b>JENIS PERINTAH</b>	<b>TEMPOH MASA PERINTAH DIPEROLEH</b>
(a) Rayuan yang melibatkan hukuman pemenjaraan dan memerlukan pengeluaran waran pemenjaraan;  (b) Permohonan melalui Notis Usul yang dibenarkan oleh Panel Persidangan bagi perintah –  (i) Penangguhan pelaksanaan hukuman; (ii) Permohonan jamin; (iii) Waran Tangkap dan Waran Menahan di bawah S. 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dan (iv) Perintah-perintah lain yang memerlukan perintah termeterai dikeluarkan dalam kadar segera.	dengan kadar segera

JENIS PERINTAH	TEMPOH MASA PERINTAH DIPEROLEH
Perintah-perintah lain	tidak lebih empat (4) hari bekerja dari tarikh keputusan diberikan

**BAHAGIAN V**  
**PEJABAT SUB-REGISTRI MAHKAMAH RAYUAN**  
**DI SABAH DAN SARAWAK**

**A. Pejabat Sub-Registri**

36. Pejabat Sub-Registri Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak adalah seperti di lokasi yang berikut:

NEGERI	LOKASI
Sarawak	Kompleks Mahkamah Kuching
Sabah	Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu

**B. Rayuan Jenayah dan Sivil daripada keputusan Mahkamah Tinggi**

37. Notis Rayuan bagi keputusan daripada Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak hendaklah difaikkan di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak melalui sistem e-Kehakiman Sabah dan Sarawak.

38. Pihak-pihak akan menerima pemakluman berhubung maklumat pendaftaran Notis Rayuan setelah –

- (a) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak menghantar satu salinan bercetak Notis Rayuan ke Pejabat Sub-Registri Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak untuk pendaftaran;
- (b) Pejabat Sub-Registri Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak memuat naik Notis Rayuan dalam sistem e-Kehakiman; dan
- (c) Pendaftar mendaftarkan Notis Rayuan.

## BAHAGIAN VI PELBAGAI

### A. Sijil Perakuan Segera

39. Selaras dengan peruntukan Kaedah 22 KMR 1994, permohonan agar sesuatu rayuan didengar dengan kadar segera boleh dikemukakan secara bertulis kepada YAA Presiden Mahkamah Rayuan.

40. Sijil Perakuan Segera hendaklah difailkan melalui sistem e-Filing dan jumlah fi Perakuan Segera adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Jadual Kedua KMR 1994.

41. Sijil Perakuan Segera hendaklah menggunakan format sebagaimana dalam **Lampiran C** dan menyatakan –

- (a) nombor rayuan dan nama pihak-pihak;

- (b) fakta ringkas rayuan;
- (c) sebab pendengaran rayuan mustahak disegerakan; dan
- (d) sama ada pihak satu lagi itu mempunyai apa-apa bantahan; dan jika ada, menyatakan bantahan itu dengan terperinci.

## **B. Kehadiran Banduan sebagai Saksi atau Pihak untuk Kes-kes Sivil di Mahkamah Rayuan**

42. Tatacara bagi kehadiran banduan sebagai saksi atau pihak dalam kes sivil di Mahkamah adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi banduan yang diwakili peguam, satu permohonan *ex parte* melalui notis usul dan disokong dengan afidavit hendaklah difailkan; dan
- (b) bagi banduan yang tidak diwakili oleh peguam, permohonan seperti di perenggan (a) tersebut hendaklah dikemukakan melalui pihak berkuasa menahan.

43. Bagi permohonan yang dibenarkan di bawah perenggan 42, suatu perintah sebagaimana Borang 68 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 akan dikeluarkan oleh Mahkamah bagi mengemukakan banduan pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam perintah tersebut.

**BAHAGIAN VII**  
**PEMBATALAN DAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA**


**A. Pembatalan Arahan Amalan Mahkamah Rayuan**

44. Arahan Amalan yang berikut adalah dibatalkan –

- (a) Arahan Amalan Mahkamah Rayuan Bil. 1 Tahun 2017; dan
- (b) Arahan Amalan Presiden Mahkamah Rayuan Bil. 2 Tahun 2017.

**B. Tarikh Permulaan Kuat Kuasa**

45. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada **1 Oktober 2025**.



**YAA DATO' ABU BAKAR BIN JAIS**  
Presiden Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana kehakiman  
Putrajaya

**Salinan Kepada:**

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
No. 45, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 Putrajaya

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi

YBhg. Peguam Besar Negeri Sarawak  
Tingkat 15 & 16, Wisma Bapa Malaysia  
93502 Petrajaya, Kuching  
Sarawak

YBhg. Peguam Besar Negeri Sabah  
Tingkat 22& 23, Blok A, Teluk Likas  
Menara Kinabalu, Jalan Sulaman  
88450 Kota Kinabalu, Sabah

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kota Kinabalu  
Sabah

Pengarah Bahagian Dasar dan Perundangan  
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Yang Dipertua  
Majlis Peguam Malaysia  
Kuala Lumpur

Presiden  
*Sabah Law Society*

Presiden  
*Advocates Association of Sarawak*

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pustakawan  
Jabatan Peguam Negara  
No. 45, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 Putrajaya

**LAMPIRAN A1****PENGELASAN KOD RAYUAN JENAYAH**  
[BAHAGIAN I, Perenggan 8 (c)]

Pengelasan kod **rayuan kes jenayah** adalah seperti berikut:

BIL	HAL PERKARA	KOD
<b>KES YANG DIBICARAKAN DI MAHKAMAH TINGGI YANG TIDAK MELIBATKAN KAKITANGAN AWAM (05)</b>		
1.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan am yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan yang melibatkan hukuman mati)</b>	05(M)
2.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan am yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap perintah lepas dan bebas)</b>	05(LB)
3.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan am yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap hukuman sahaja)</b>	05(H)

BIL	HAL PERKARA	KOD
4.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan am yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap sabitan dan hukuman selain hukuman mati)</b>	05(SH)
5.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan yang melibatkan hukuman mati)</b>	05A(M)
6.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap perintah lepas dan bebas)</b>	05A(LB)
7.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap hukuman sahaja)</b>	05A(H)
8.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 39B Akta Dadah	05A(SH)

BIL	HAL PERKARA	KOD
	Berbahaya 1952 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap sabitan dan hukuman selain hukuman mati)</b>	
9.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 302 Kanun Keseksaan yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan yang melibatkan hukuman mati)</b>	05B(M)
10.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 302 Kanun Keseksaan yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap perintah lepas dan bebas)</b>	05B(LB)
11.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 302 Kanun Keseksaan yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap hukuman sahaja)</b>	05B(H)
12.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan s. 302 Kanun Keseksaan yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap sabitan dan hukuman selain hukuman mati)</b>	05B(SH)

BIL	HAL PERKARA	KOD
13.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah Akta Penculikan 1961 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap perintah lepas dan bebas)</b>	05C(LB)
14.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah Akta Penculikan 1961 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap hukuman sahaja)</b>	05C(H)
15.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah Akta Penculikan 1961 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap sabitan dan hukuman selain hukuman mati)</b>	05C(SH)
16.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap perintah lepas dan bebas)</b>	05D(LB)

BIL	HAL PERKARA	KOD
17.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap hukuman sahaja)</b>	05D(H)
18.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap sabitan dan hukuman selain hukuman mati)</b>	05D(SH)
19.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah s. 396 Kanun Keseksaan (samun berkumpulan dan bunuh) yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan yang melibatkan hukuman mati)</b>	05BS(M)
20.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah s. 396 Kanun Keseksaan (samun berkumpulan dan bunuh) yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap perintah lepas dan bebas)</b>	05BS(LB)

BIL	HAL PERKARA	KOD
21.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah s. 396 Kanun Keseksaan (samun berkumpulan dan bunuh) yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap hukuman sahaja)</b>	05BS(H)
22.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah s. 396 Kanun Keseksaan (samun berkumpulan dan bunuh) yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan terhadap sabitan dan hukuman selain hukuman mati)</b>	05BS(SH)
23.	Keputusan Mahkamah Tinggi bagi kesalahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah khas) 2012 yang tidak melibatkan kakitangan awam <b>(rayuan yang melibatkan hukuman mati)</b>	05SO(M)
